

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Utusan Melayu |
| Date | 15/08/2017B |

Insiden memalukan, perlu siasatan segera

UM-15/8/2017 pg. 8

KUALA LUMPUR 14 Ogos - Pas kesal dengan kekecohan yang berlaku dalam forum *Nothing To Hide 2.0* anjuran Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) semalam dan mendesak siasatan rapi terhadap insiden memalukan itu dilakukan segera.

Timbalan Presidennya, **Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man** berkata, kejadian itu tidak sepatutnya berlaku di negara ini yang mengamalkan sistem demokrasi dan hak bersuara dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

"Seluruh pimpinan dan rakyat perlu melakukan perubahan terhadap politik yang lebih matang, selaras dengan perkembangan dan kemajuan negara.

"Politik cerca, maki hamun, fitnah dan provokasi sangat tidak sesuai dengan budaya dan iklim masyarakat Malaysia pada masa kini," katanya dalam *harakahdai-*

Seluruh pimpinan dan rakyat perlu melakukan perubahan terhadap politik yang lebih matang, selaras dengan perkembangan dan kemajuan negara. Politik cerca, maki hamun, fitnah dan provokasi sangat tidak sesuai dengan budaya dan iklim masyarakat Malaysia pada masa kini."

TUAN IBRAHIM TUAN MAN
Timbalan Presiden Pas

ly.net, hari ini.

Sementara itu Naib Presiden Pas, **Idris Ahmad** menjelaskan,

setiap kesangsian yang ditimbulkan perlu diperjelaskan dengan hujah, bukan dengan tindakan membaling kerusi seperti yang berlaku dalam forum tersebut.

Katanya, berpolitik dengan membaling kerusi tidak boleh diabaikan subur kerana boleh merosakkan nilai politik dan meruntuhkan tamadun sesebuah negara.

Jelas beliau, majoriti orang muda tidak suka dengan cara politik seperti yang berlaku semalam kerana mereka mahukan penyelesaian, bukan keserabutan.

"Mereka generasi gajet di tangan, bukan generasi buku lima dan kerambit di pinggang. Tunjukkan kematangan dalam berpolitik, cara macam ini bukan adab ketimuran, jauh sekali dengan adab Islam.

"Berhujah dengan fakta, bukan auta. Berhujah dengan isi, bukan emosi. Berhujah dengan penuh adab dan berakhlak. Berhujah dan menjawab dengan hikmah," katanya.